

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ) / SOALAN LAZIM

Conversion of Underlying Shariah Principle of AmBank Islamic Credit Cards-i / Penukaran Prinsip Syariah Mendasari Kad Kredit-i AmBank Islamic



1.	What is this conversion all about? / Apakah penukaran ini?
	This is a conversion of the underlying Shariah principle for the existing AmBank Islamic Credit Cards-i ("Credit Card-i" or "Card-i" or "Credit Card" or "Card") from Ujrah to Tawarruq (the "Exercise"). / <i>Ini adalah penukaran prinsip Syariah yang mendasari Kad Kredit-i AmBank Islamic ("Kad Kredit-i" atau "Kad-i" atau "Kad Kredit" atau "Kad") sedia ada daripada Ujrah kepada Tawarruq ("Pelaksanaan").</i>
2.	What is the purpose of converting the Shariah principle from Ujrah to Tawarruq? / Apakah tujuan penukaran prinsip Syariah daripada Ujrah kepada Tawarruq?
	The purpose of this conversion is for purposes of alignment with regulatory requirements. / <i>Tujuan penukaran ini adalah untuk tujuan penyelarasan dengan keperluan pengawalseliaan.</i>
3.	When will this Exercise take place? / Bilakah Pelaksanaan ini akan berlaku?
	The Exercise will take effect on Wednesday, 17 December 2025 or any other date(s) as may be advised by the Bank on its website ("Effective Date"). / <i>Pelaksanaan tersebut akan berkuat kuasa pada Rabu, 17 Disember 2025 atau tarikh lain yang dimaklumkan oleh Bank di laman sesawangnya ("Tarikh Kuat Kuasa").</i>
4.	What are the Credit Cards-i involved in this Exercise? / Apakah Kad Kredit-i yang terlibat dalam Pelaksanaan ini?
	All AmBank Islamic Credit Cards-i which include: / <i>Semua Kad Kredit-i AmBank Islamic termasuk:</i> i. AmBank SIGNATURE Priority Banking Credit Card-i / <i>Kad Kredit-i Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank</i> ii. AmBank SIGNATURE Priority Banking World Mastercard-i / <i>Kad-i World Mastercard Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank</i> iii. AmBank Islamic Visa Infinite Card-i / <i>Kad-i Visa Infinite AmBank Islamic</i> iv. AmBank Islamic World Mastercard-i / <i>Kad-i World Mastercard AmBank Islamic</i> v. AmBank Islamic Visa Signature Card-i / <i>Kad-i Visa Signature AmBank Islamic</i> vi. AmBank Islamic Al-Taslim Platinum & Gold Card-i / <i>Kad-i Platinum & Emas Al-Taslim AmBank Islamic</i> vii. AmBank Islamic CARz Platinum & Gold Card-i / <i>Kad-i Platinum & Emas Carz AmBank Islamic</i> viii. e-Cosway / <i>e-Cosway</i>
5.	What are the differences between Tawarruq and the existing Ujrah-based Credit Cards-i? / Apakah perbezaan di antara Tawarruq dengan Kad Kredit-i berasaskan Ujrah yang sedia ada?
	There is no difference between your existing Credit Cards-i which are based on Ujrah compared to Credit Cards-i which are based on Tawarruq. Rest assured that the conversion to Tawarruq-based Credit Cards-i would NOT lead you to be charged or incur: • higher rates; • higher/additional fees and charges; or • higher costs, compared to your existing Credit Cards-i based on Ujrah. Further, all the current features, benefits and services of your existing Credit Cards-i will remain unchanged. / <i>Tiada sebarang perbezaan di antara Kad Kredit-i anda yang sedia ada yang berasaskan Ujrah berbanding dengan Kad Kredit-i yang berasaskan Tawarruq. Yakinlah bahawa penukaran kepada Kad Kredit-i berasaskan Tawarruq TIDAK akan menyebabkan anda dikenakan caj atau menanggung:</i> • <i>kadar yang lebih tinggi;</i> • <i>yuran dan caj yang lebih tinggi/tambahan; atau</i> • <i>kos yang lebih tinggi,</i> <i>berbanding dengan Kad Kredit-i sedia ada anda yang berasaskan Ujrah. Tambahan lagi, semua ciri, manfaat dan perkhidmatan semasa Kad Kredit-i anda akan kekal tidak berubah.</i>

6.	What do I need to do for this Exercise? / Apakah yang saya perlu lakukan untuk Pelaksanaan ini?
	There is no action required on your part because this Exercise will be: • hassle-free without the need for the replacement of your physical credit card nor changes to your Credit Card-i number/account; and • carried out without any cost to you. / <i>Tiada tindakan yang diperlukan dari anda kerana Pelaksanaan ini akan:</i> • serba mudah dan tanpa memerlukan penggantian kad kredit fizikal anda atau penukaran nombor/akaun Kad Kredit-i anda; dan • dijalankan tanpa sebarang kos kepada anda.
7.	Will there be any replacement of the physical credit card? / Adakah akan terdapat sebarang penggantian ke atas kad kredit fizikal?
	No. There will be no replacement of your physical credit card or change of the Credit Card-i number/account. / <i>Tidak. Tiada sebarang penggantian kad kredit fizikal ataupun perubahan pada nombor/akaun Kad Kredit-i.</i>
8.	Will I be able to continue using my Credit Card-i during the Exercise? / Adakah saya masih boleh menggunakan Kad Kredit-i saya semasa tempoh Pelaksanaan?
	Yes, you may continue to use your Credit Cards-i and enjoy all existing benefits and privileges offered without any interruption. / <i>Ya, anda boleh terus menggunakan Kad Kredit-i anda dan menikmati manfaat dan keistimewaan sedia ada yang ditawarkan tanpa sebarang gangguan.</i>
9.	Will my AmBank Islamic Credit Card-i benefits (e.g. AmBonus Point, Balance Transfer, Quick Cash, AmFlexiPay, Easy Payment Plan) remain unchanged? / Adakah manfaat Kad Kredit-i AmBank Islamic saya (seperti Mata AmBonus, Pindahan Baki, Quick Cash, AmFlexiPay, Pelan Pembayaran Mudah) akan kekal tidak berubah?
	Yes. There will be no changes on your existing arrangements. / <i>Ya. Tiada sebarang perubahan bagi aturan sedia ada anda.</i>
10.	What is Shariah principle of Ujrah compared to Tawarruq? / Apakah prinsip Syariah Ujrah berbanding Tawarruq?
	<i>Ujrah</i> refers to fees charged to customers for using the Bank's services. Based on the current arrangement, AmBank Islamic provides Islamic credit card facility for the cardholder and charges fees for the services based on <i>inter alia</i> the amount outstanding in the facility. / <i>Ujrah merujuk kepada yuran yang dikenakan kepada pelanggan kerana menggunakan perkhidmatan Bank. Berdasarkan pada aturan semasa, AmBank Islamic menyediakan kemudahan kad kredit perbankan Islam untuk pemegang kad kredit dan mengenakan yuran untuk perkhidmatan tersebut berdasarkan antara lain amaun belum jelas di dalam kemudahan tersebut.</i> <i>Tawarruq</i> is an arrangement involving two sale and purchase agreements. The first involves the sale of a commodity by the Bank to you on a deferred payment basis at cost plus profit, where the cost price and mark-up price are disclosed to you. Subsequently, you will sell the same commodity to a third party on cash and spot basis. / <i>Tawarruq ialah pengaturan yang melibatkan dua perjanjian jual dan beli. Yang pertama melibatkan penjualan komoditi oleh Bank kepada anda atas dasar pembayaran tertunda pada kos campur keuntungan, di mana harga kos dan harga keuntungan didedahkan kepada anda. Seterusnya, anda akan menjual komoditi yang sama tersebut kepada pihak ketiga atas dasar tunai dan semerta.</i> There is no difference between your existing Credit Card-i which are based on <i>Ujrah</i> compared to Credit Cards-i which are based on <i>Tawarruq</i>. / <i>Tiada sebarang perbezaan di antara Kad Kredit-i anda yang sedia ada yang berasaskan Ujrah berbanding dengan Kad Kredit-i yang berasaskan Tawarruq.</i>
11.	Is there any difference in terms of fee and profit charge on card utilisation? / Adakah terdapat sebarang perbezaan di antara yuran dan caj keuntungan ke atas penggunaan kad?

	There is no difference in terms of the actual amount to be paid between fee-based and profit-based calculations which are applied for your existing Credit Cards-i based on <i>Ujrah</i> and the Credit Cards-i based on <i>Tawarruq</i> respectively. We wish to emphasise that the Credit Cards-i based on <i>Tawarruq</i> would NOT lead you to be charged or incur: • higher rates; • higher/additional fees and charges; or • higher costs. compared to your existing Credit Cards-i based on <i>Ujrah</i>. In fact, all the current features, benefits, and services of your existing Credit Cards-i will remain unchanged. / <i>Tiada perbezaan dari segi amaun sebenar yang perlu dibayar antara pengiraan berasaskan yuran dan berasaskan caj keuntungan yang diguna pakai untuk Kad Kredit-i sedia ada anda yang berasaskan Ujrah dan Kad Kredit-i berasaskan Tawarruq masing-masing. Kami ingin tekankan bahawa Kad Kredit-i berasaskan Tawarruq TIDAK akan menyebabkan anda dikenakan caj atau menanggung:</i> • <i>kadar yang lebih tinggi;</i> • <i>yuran dan caj yang lebih tinggi/tambahan; atau</i> • <i>kos yang lebih tinggi,</i> <i>berbanding dengan Kad Kredit-i sedia ada anda yang berasaskan Ujrah. Malahan, semua ciri, manfaat dan perkhidmatan semasa Kad Kredit-i anda akan kekal tidak berubah.</i>
12.	What will happen to my existing <i>Ujrah</i> contract? / Apakah yang akan berlaku kepada kontrak <i>Ujrah</i> saya yang sedia ada?
	Your existing <i>Ujrah</i> contract will be terminated and you will enter into a <i>Tawarruq</i> contract with the Bank. Retention or use of your Credit Card-i on or beyond the Effective Date shall be deemed to constitute as acceptance on your part to the Exercise. / <i>Kontrak Ujrah anda yang sedia ada akan ditamatkan dan anda akan memeterai kontrak Tawarruq dengan Bank. Pengekalan atau penggunaan Kad Kredit-i pada atau selepas Tarikh Kuat Kuasa akan dianggap sebagai penerimaan daripada pihak anda terhadap Pelaksanaan ini.</i>
13.	Do I have any other options if I do not wish to convert my existing Credit Card-i? / Adakah saya mempunyai pilihan lain jika saya tidak berhasrat untuk menukar Kad Kredit-i sedia ada saya?
	Upon the Effective Date, the Bank will no longer offer the <i>Ujrah</i> based Credit Cards-i. / <i>Bermula pada Tarikh Kuat Kuasa, Bank tidak lagi akan menawarkan Kad Kredit-i berasaskan Ujrah.</i> Please be reminded that this Exercise will be hassle-free and carried out without any fees or charges. Rest assured that there is no difference between your existing Credit Cards-i which are based on <i>Ujrah</i> compared to Credit Cards-i which are based on <i>Tawarruq</i>. / <i>Adalah diingatkan bahawa Pelaksanaan ini adalah serba mudah dan akan dijalankan tanpa sebarang yuran atau caj. Yakinlah bahawa tiada sebarang perbezaan di antara Kad Kredit-i sedia ada anda yang berasaskan Ujrah berbanding dengan Kad Kredit-i yang berasaskan Tawarruq.</i> If you decide to opt out from this Exercise, your existing Credit Cards-i would be cancelled. Please call our Contact Centre at +603 2178 8888 for further information. / <i>Sekiranya anda ingin menarik diri daripada Pelaksanaan ini, Kad Kredit-i sedia ada anda akan dibatalkan. Sila hubungi Pusat Panggilan kami di +603 2178 8888 untuk maklumat lanjut.</i>
14.	Where can I get further information on this Exercise? / Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Pelaksanaan ini?
	Should you require further information, please call our Contact Centre at +603 2178 8888 or visit our website at ambank.com.my/MTQ. / <i>Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan kami di +603 2178 8888 atau layari laman sesawang kami di ambank.com.my/MTQ.</i>